

# Sinar Harian FC dihimpit kekalahan

It merupakan kekalahan kedua Sinar Harian FC dalam tempoh sebulan selepas tewas tipis, 5-6 kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada saingan dua minggu lepas.


■ BHARUDDIN SULONG

SH 25/10/08 Pg T28

KUALA TERENGGANU - Sinar Harian FC terus dihimpit badi kekalahan selepas tewas 3-5 kepada pasukan Mangkuk FC pada perlawanan futsal persahabatan yang berlangsung di Sports Planet, Gong Badak, di sini, malam kelmarin.

It merupakan kekalahan kedua Sinar Harian FC dalam tempoh sebulan selepas tewas tipis, 5-6 kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada saingan dua minggu lepas.

Pada aksi malam kelmarin, Mangkuk FC yang membariskan pemain muda mereka tidak perlu menunggu lama untuk memecahkan kebuntuan gol apabila memperoleh ja-



Sinar Harian FC dan Mangkuk FC bergambar sebelum bermulanya perlawanan futsal persahabatan di Sports Planet, Gong Badak, kelmarin.

ringan pendahuluan pada minit kelima permainan menerusi Ahmad Ismail.

Terkejut dengan jaringan awal itu, Sinar Harian FC mula bangkit mengatur serangan balas ke atas kubu lawan dan ternyata usaha tersebut tidak sia-sia apabila penyerang berbisa pasukan, Mohd Idham

Khalid Abu Hassan berjaya menyamakan kedudukan, tiga minit kemudian.

Bahang perlawanan bertambah panas dan mendebarkan apabila Mangkuk FC berjaya menambah dua lagi jaringan sebelum Sinar Harian FC kembali merapatkan jurang gol menerusi dua rembatan deras

yang dihasilkan Syed Mu'az Syed Putra.

Penjaga gol Sinar Harian FC, Mohd Hafiz Mohd Ali turut beraksi cemerlang menyelamatkan beberapa per cubaan berbahaya Mangkuk FC tetapi terpaksa akur dengan kelebihan dua lagi jaringan pasukan lawan itu, lima minit

sebelum permainan sebenar tamat.

Sementara itu, pengurus Sinar Harian FC, Fatimah Al Rahman berkata, tempoh reha yang terlalu lama menjadikan punca anak buahnya gaga menampilkan aksi cemerlang pada pertemuan tersebut.

"Selepas pertemuan dengan UMT dua minggu lalu kami berehat daripada beraks dalam sebarang perlawanan dan keadaan ini telah menyebabkan prestasi serta tahap kecergasan anak buah saya menurun dengan mendadak.

"Bagaimanapun, kami akan cuba mengatasinya dengan mengatur beberapa perlawanan seumpama ini dalam tempoh terdekat ini bagi mengembalikan semula persembahan mantap dan bertenaga yang pernah dipamerkan mereka sebelum ini," katanya.

**Aktifkan Komuniti Anda!**